



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGAPLIKASIAN MANIK MENGGUNAKAN TEKNIK SONGKET
MELAYU DAN TEKNIK SUNGKIT IBAN UNTUK MENGHASILKAN
TENUNAN TEKSTIL YANG BERTEKSTURA**

Connie Anak Kuyan

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keahlian
(Teknologi Seni Reka)
2014**

**PENGAPLIKASIAN MANIK MENGGUNAKAN TEKNIK SONGKET MELAYU DAN
TEKNIK SUNGKIT IBAN UNTUK MENGHASILKAN TENUNAN TEKSTIL YANG
BERTEKSTURA**

CONNIE ANAK KUYAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: Pengaplikasian Manik Menggunakan Teknik Songket Melayu dan Teknik Sungkit Iban untuk Menghasilkan Tenunan Tekstil yang Bertekstura.

SESI PENGAJIAN: 2013/2014

Saya **CONNIE ANAK KUYAN**
mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan [√]

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK

Tandatangan Penulis

Tarikh : 14/7/14

Alamat Tetap: Rh Jimbun, Pulau Won
96800 Kapit, Sarawak.

Disahkan

Tandatangan Penyelia


Tarikh: 14/7/14

Dr. June Ngo Siok Kheng
Pensyarah Kanan
Fakulti Seni Gunan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda
* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Adalah ini diakui, saya **Connie Anak Kuyan** disertai penulisan yang bertajuk **'Pengaplikasian manik menggunakan tekuik songket melayu dan teknik sungkit Iban untuk menghasilkan tenunan tekstil yang bertekstura'** sebagai sebahagian dari keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dengan Kepujian **Teknologi Seni Reka** diterima.

Disahkan oleh:




(Dr. June Ngo Siok Kheng)
Penyelia

PERAKUAN PELAJAR

Dengan ini saya mengakui bahawa karya bertajuk '**Pengaplikasian manik menggunakan teknik songket melayu dan teknik sungkit Iban untuk menghasilkan tenunan tekstil yang bertekstura**' telah disediakan oleh **Connie Auak Kuyan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Dr. June Neo Siok Kheng)
Tarikh: 14 / 7 / 14

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan dan ribuan terima kasih kepada pihak yang banyak memberi dorongan serta pandangan kepada saya untuk menyiapkan projek tahun akhir ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan kepada ahli keluarga saya yang banyak memberi nasihat serta dorongan moral kepada diri ini untuk menyelesaikan projek tahun akhir.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih terutamanya kepada penyelia saya iaitu Dr June Ngo Siok Kheng. Bimbingan dan dorongan serta nasihat yang berguna daripada beliau sangat membantu saya dalam menjayakan projek tahun akhir ini.

Akhir sekali saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung yang sering memberi nasihat dan tunjuk ajar. Sekian terima kasih saya ucapkan sekali lagi.

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan Status Tesis/Laporan	ii
Pengesahan Penyelia	iii
Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Jadual Kandungan	vi
Senarai Gambarajah	x
Abstrak	xi
<i>Abstract</i>	
BAB 1 : LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Masalah	6
1.2 Objektif Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Hipotesis	8
1.5 Limitasi Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Kesimpulan	11
BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.0 Pengenalan	12
2.1 Latar Belakang Manik	12
2.2 Sejarah Teknik Tenun Sungkit Iban	13
2.3 Teknik Tenun Songket Melayu	19

2.4 Kesimpulan	21
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	22
3.1 Metodologi Kajian	22
3.2 Kaedah Primer	23
3.3 Kaedah Sekunder	25
3.4 Kesimpulan	25
BAB 4 : HASIL DAPATAN	
4.0 Pengenalan	26
4.1 Temubual	26
4.2 Kaedah Pemerhatian	27
4.3 Eksperimentasi	29
4.4 Proses Penghasilan Tenunan	34
4.5 Kesimpulan	38
BAB 5 : CADANGAN REKA BENTUK	
5.0 Pengenalan	39
5.1 Konsep Reka Bentuk	39
5.2 Proses Reka Bentuk	40
5.3 Perkembangan Idea	41
5.4 Spesifikasi Kajian	45
5.5 Hasil Kajian	49
5.6 Kesimpulan	51
BAB 6 : VALIDASI PRODUK	
6.0 Pengenalan	52

6.1 Kekuatan dan Kelebihan Produk	52
6.2 Kelemahan dan Kekurangan Produk	53
6.3 Batasan dan Halangan Kajian	54
6.4 Kesimpulan	54
BAB 7 : KESIMPULAN	
7.0 Rumusan	55
7.1 Jawapan kepada Persoalan	57
7.2 Kesimpulan	58
HARTA INTELEK	59
BIBLIOGRAFI	61
LAMPIRAN	62

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah	Muka Surat
Gambarajah 1.1 : Pakaian tradisional masyarakat Iban di Sarawak	1
Gambarajah 1.2 : Pakaian tradisional masyarakat Iban yang menggunakan manik	2
Gambarajah 2.1 : Tenunan sungkit Iban	16
Gambarajah 2.2 (a) & (b) : Backstrap loom dan peralatan yang digunakan	17
Gambarajah 2.3 : Antara motif yang digunakan dalam tenunan Iban	18
Gambarajah 3.1 : Kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji	22
Gambarajah 4.1 (a) & (b) : Tenunan sungkit Iban	28
Gambarajah 4.2 : Sampel 1	30
Gambarajah 4.3 : Sampel 2	31
Gambarajah 4.4 : Sampel 3	32
Gambarajah 4.5 : Sampel 4	33
Gambarajah 4.6 : Manik dimasukkan ke dalam seurat benang	35
Gambarajah 4.7 : Benang loseng dikira	36
Gambarajah 4.8 : Manik dimasukkan menggunakan teknik ‘gigi belalang’	36
Gambarajah 4.9 : Proses teknik sungkit Iban	37
Gambarajah 5.1 (a) & (b) : Motif yang digunakan dalam kajian	41
Gambarajah 5.2 : Reka corak 1	42
Gambarajah 5.3 : Reka corak 2	43
Gambarajah 5.4 : Reka corak 3	44
Gambarajah 5.5 : Tenun kontemporari	45

Gambarajah 5.6 (a) hingga (b) : Perkembangan idea bagi produk lain yang boleh dihasilkan dengan tenunan tekstil	47-48
Gambarajah 5.7 : Selendang	49
Gambarajah 5.8 (a) & (b) : Beg tangan yang dihasilkan pada akhir kajian	51

ABSTRAK

Tenunan Sungkit merupakan salah satu kraf tangan tradisional yang dihasilkan oleh masyarakat Iban di Sarawak yang menggunakan teknik benang pakan tambahan yang diikat pada benang loseng satu demi satu untuk menghasilkan corak pada tekstil. Kajian ini berfokuskan kepada pengaplikasian manik menggunakan teknik tenun songket Melayu dan tenun sungkit Iban di Sarawak untuk menghasilkan tekstura dan dimensi. Tenunan sungkit kontemporari yang telah dihasilkan pada akhir kajian, ini sesuai untuk dijadikan produk fesyen aksesori seperti selendang dan *clutch*.

ABSTRACT

Sungkit weaving is one of traditional handcraft made by Iban society at Sarawak which using technique extra threads are knot to wrap threads one by one to form a design in the textile. This research focuses on application of beads using Malay songket weaving and Iban sungkit weaving of Sarawak to create a textural and dimension. At the end of this research, contemporary sungkit weaving produced to make fashion accessories such as shawls and clutch.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Fabrik bertekstura merupakan satu fabrik yang mana permukaan fabrik tersebut dapat dilihat dan disentuh menggunakan tangan. Kajian berkaitan dengan penghasilan tenunan sungkit Iban dengan aplikasi manik ke atas tenunan tersebut yang akan menghasilkan fabrik yang bertekstura. Keunikkan dalam kajian ini dapat dilihat melalui penggunaan manik untuk menghasilkan fabrik yang bermanik dan bertekstura.

Sejak dulu lagi, masyarakat Iban di Sarawak menggunakan manik dalam pakaian tradisional mereka. Manik digunakan sebagai '*marik empang*' dalam pakaian tradisional kaum wanita iaitu '*ngepan*'. Selain itu, manik turut dijahit pada baju bomoh orang Iban yang biasanya terdiri daripada bahan semula jadi seperti cengkerang siput.



Gambarajah 1.1 : Pakaian tradisional masyarakat Iban di Sarawak.



Gambarajah 1.2 : Pakaian tradisional masyarakat Iban yang menggunakan manik.

Sejak berabad-abad yang lalu, manik telah digunakan dalam banyak budaya di serata dunia. Perkataan manik berasal daripada perkataan Anglo-Saxon iaitu '*bidden*' atau untuk sembahyang dan '*bede*' yang bermaksud sembahyang. Manik sejak dulu lagi digunakan sebagai wang dan dipakai sebagai perhiasan yang membawa maksud kebijaksanaan dan kekayaan kepada pemakainya.

Dubin (1987), menyatakan manik sebagai sebiji bola yang dilubangkan pada bahagian tengah untuk membuat juntaian. Manik boleh didapati dalam pelbagai bentuk dan saiz di pasaran. Kegunaan manik biasanya digunakan sebagai aksesori kecantikan yang direka sebagai gelang tangan atau kaki, rantai leher, cincin dan lain-lain lagi. Pada masa sekarang manik turut dijahit pada pakaian sebagai tambah rias dan menambahkan kecantikan pada pakaian tersebut.

Selain daripada penggunaan manik, kajian ini juga berfokus kepada tenunan. Manik akan diaplikasikan pada fabrik dengan cara menenun manik pada tenunan. Berdasarkan Wilson (2011), fabrik tenunan terhasil apabila dua set benang iaitu benang pakan dengan benang loseng diselang-selikan pada sudut kanan antara satu sama lain. Benang loseng akan selari pada kek tenunan manakala, benang pakan akan dimasukkan diselang-selikan pada benang loseng. Persilangan antara benang loseng dan benang pakan dikenali sebagai tenunan.

Tenun songket Melayu turut digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kepada Selvanayagam (1990), songket berasal daripada perkataan Melayu iaitu '*menyongket*'. Perkataan menyongket bermaksud membuat sulaman menggunakan benang emas dan benang perak, walau bagaimanapun songket bukanlah teknik menyulam benang dalam

tenunan, tetapi songket dirujuk sebagai teknik pakan tambahan. Dalam proses songket, benang metalik tambahan dimasukkan dengan kepanjangan yang tertentu antara benang loseng. Benang pakan tersebut akan timbul pada permukaan tekstil dan menghasilkan tekstura.

Kajian yang dijalankan berkonsepkan tenunan masyarakat Iban iaitu tenunan sungkit Iban, namun diaplikasikan dengan manik sebagai pakan tambahan. Tenunan sungkit merupakan salah satu kraftangan yang dihasilkan oleh masyarakat Iban di Sarawak selain daripada pua kumbu dan pua karap. Teknik tenunan sungkit Iban menghasilkan fabrik yang dikenali sebagai pua sungkit oleh masyarakat Iban di Sarawak. Pua bermaksud 'selimut' yang mula dihasilkan pada pertengahan abad ke-19. Tenunan sungkit Iban adalah teknik pakan tambahan yang menggunakan benang tambahan. Benang tersebut akan diikat satu persatu pada benang loseng untuk menghasilkan reka corak (Linggi, 2001)

Teknik sungkit Iban juga dinyatakan sebagai 'jarum' dan merupakan antara satu teknik untuk mereka corak pada tenunan. Teknik ini menggunakan *discontionous supplementary weft* yang digunakan bersama jarum kemudiannya ditenun dan diikat pada benang pasif (benang loseng). Teknik ini juga dirujuk sebagai teknik sulaman loseng.

Teknik tenun sungkit Iban rumit pembuatannya, namun tenun sungkit Iban boleh diperolehi dalam fabrik yang bersaiz kecil dan tenunan ini kurang didapati di pasaran. Tekstil ini mempunyai nilai yang tinggi di pasaran kerana jarang diperolehi. Pada masa sekarang, hanya sebilangan golongan penenun mahir yang menghasilkan fabrik tenun

sungkit. Tidak hairanlah teknik tenun sungkit ini semakin hilang kerana kurangnya para penenun yang boleh mewarisi teknik ini kepada generasi akan datang,

Perbezaan antara pua kumbu dengan pua sungkit boleh dilihat melalui proses dan teknik penghasilan kedua-dua pua tersebut serta tekstura pada fabrik. Proses pembuatan pua kumbu yang menggunakan teknik ikat dan tenun menyebabkan penghasilan pua kumbu lebih senang jika dibandingkan dengan proses penghasilan pua sungkit yang lebih rumit. Teknik penghasilan corak yang direka pada tenun sungkit Iban perlu diikat satu persatu pada benang dan menyebabkan teknik ini mengambil masa yang agak lama untuk menghasilkan sehelai fabrik. Tenun sungkit Iban lebih bertekstura berbanding tenun pua kumbu. Oleh itu, teknik sungkit Iban yang rumit penghasilannya menyebabkan penggunaan tenun sungkit kurang digunakan dalam upacara yang dijalankan.

Kegunaan pua sungkit dalam budaya masyarakat Iban lebih kurang sama dengan penggunaan pua kumbu. Pua sungkit biasanya digunakan dalam setiap upacara yang dijalankan dalam budaya masyarakat Iban terutamanya dalam upacara miring yang diadakan di setiap rumah panjang di Sarawak. Selain itu, pua sungkit juga digunakan semasa menggunakan pakaian tradisional kaum Iban iaitu 'ngepan' atau 'kelambi'.

Pengkaji akan mengaplikasikan manik dengan menggunakan teknik tenunan yang boleh menenun manik pada fabrik untuk menghasilkan tekstura dan dimensi. Kajian dijalankan untuk menambah variasi dan inovasi baru pada tenun sungkit Iban dan tenun songket Melayu. Inovasi dihasilkan dengan penambahan tekstur dan dimensi pada tekstil yang berbeza daripada tekstil di pasaran sekarang.

1.1 Penyataan Masalah

Setelah membuat kajian melalui pemerhatian, pengkaji mendapati tekstil yang terdapat di pasaran sekarang adalah berbentuk dua dimensi iaitu, permukaan fabrik tersebut rata dan tidak bertekstura. Fabrik tersebut bergantung kepada teknik ikat, teknik songket Melayu dan teknik sungkit Iban untuk menghasilkan reka corak dan tekstura pada tekstil. Fabrik bertekstura kurang dihasilkan dan ditenun untuk membuat produk fesyen yang lain.

Selain itu, teknik mereka corak pada kain pua dalam skala yang besar hanya dipraktikkan oleh sebilangan minoriti para penenun (Gavin, 2004). Oleh itu, tenunan sungkit jarang didapati dalam pasaran disebabkan kurangnya penenun sungkit Iban yang mahir. Tambahan pula, teknik pembuatan tenun sungkit Iban yang agak rumit berbanding daripada tenunan lain adalah satu sebab para penenun kurang berminat untuk menghasilkan fabrik ini. Hal ini menyebabkan kurangnya penenun mahir dalam menenun teknik tenun sungkit Iban ini di Sarawak.

Berdasarkan pada pemerhatian pengkaji juga, teknik menenun manik ke atas fabrik menggunakan teknik tenunan kurang digunakan oleh para penenun. Penenun kurang mengeksplorasikan teknik-tenik tenunan dengan material yang ada sekarang. Mereka hanya menggunakan benang pakan tambahan yang terdiri daripada pelbagai warna untuk mereka corak tekstil dan inembuat tekstur pada fabrik tersebut.

1.2 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti manik-manik yang sesuai untuk diaplikasikan ke atas tenun sungkit Iban.
2. Mengeksperimentasi teknik menenun manik dengan menggunakan teknik sungkit Iban dan teknik songket Melayu.
3. Menghasilkan koleksi tekstil yang menggunakan penggabungan manik dan benang pakan tambahan untuk menghasilkan fabrik bertekstura.
4. Membuat validasi terhadap rekaan tekstil yang telah dihasilkan dalam kajian.

1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah cara yang sesuai untuk mengaplikasikan manik ke atas tenunan tekstil yang boleh menghasilkan fabrik bertekstura?
2. Apakah jenis manik yang sesuai untuk diaplikasikan ke atas tenun sungkit Iban?

1.4 Hipotesis

Pada akhir kajian ini, pengaplikasian manik menggunakan teknik songket Melayu dan teknik sungkit Iban dapat menghasilkan tenunan tekstil kontemporari. Fokus diberikan dalam kajian ini menerusi pengaplikasian manik yang terdiri daripada pelbagai saiz dan jenis manik dapat menghasilkan tekstil yang bermanik. Penggunaan warna yang lebih kontemporari pada masa sekarang juga menjadi fokus pengkaji untuk menarik minat para pelanggan membeli tekstil yang dihasilkan. Selain itu, penggunaan material yang sesuai dititikberatkan untuk menghasilkan fabrik yang bermutu.

1.5 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik berfokus kepada pengaplikasian manik yang akan ditenun sebagai pakan tambahan. Pelbagai jenis manik yang terdapat di pasaran turut menjadi fokus utama dalam kajian. Pada akhir kajian, tekstil kontemporari yang bermanik akan dihasilkan. Oleh itu, saiz dan jenis manik yang sesuai diambil kira supaya dapat menimbulkan tekstur dan dimensi yang sesuai dalam tekstil yang iugin dihasilkan.

Teknik pengaplikasian manik yang akan digunakan dalam proses penyelidikan merupakan salah satu fokus yang dalam kajian ini. Teknik tenunan manik kurang diterokai oleh para penenun yang ada sekarang menyebabkan pengkaji sukar untuk mengetahui teknik yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Kurang tenaga mahir dalam pembuatan tenun sungkit juga menyukarkan pengkaji mencari maklumat yang sah dalam kajian ini.

diturun dengan menggunakan *shaft* tenunan. Kaedah ini dipanggil ‘gigi belalang’ atau teknik tekat tiga. Teknik songket ini kurang diekplorasi oleh para penenun, jadi kelebihan teknik ini kurang diketahui ramai.

Kajian ini dilakukan di sekitar Kuching. Kuching merupakan sebuah bandaraya yang maju dan mempunyai pelbagai budaya masyarakat. Majoriti masyarakat yang berbangsa Iban yang menetap di kawasan tersebut. Namun, hanya sebilangan penenun yang menghasilkan tenun sungkit menyebabkan tenun sungkit kurang dikenali umum.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan tenun sungkit kontemporari yang bertekstura, berdimensi dan dapat disentuh menggunakan tangan. Tenun sungkit Iban merupakan satu tekstil warisan oleh masyarakat kaum Iban di Sarawak. Kajian pengaplikasian manik dalam tenun sungkit Iban akan memberi inovasi baru pada tekstil tersebut kepada masyarakat umum terutamanya masyarakat di Sarawak sendiri.

Tambahan pula, potensi tenun sungkit dapat diekplorasi dengan lebih mendalam lagi dan pengaplikasian manik dapat menambah nilai pada tenun tersebut. Kajian ini dapat menghasilkan fabrik yang lebih menarik berbanding fabrik yang lain kerana dapat menghasilkan variasi baru dengan pengaplikasian manik dan benang pakan tambahan dalam satu tenunan.

Sasaran umur pengguna untuk tekstil ini adalah golongan pengguna yang berumur 25-45 tahun. Seterusnya, satu koleksi tekstil yang menggunakan manik dan

pakan tambahan untuk menghasilkan fabrik bertekstura dihasilkan yang berkonsepkan kontemporari dapat dihasilkan pada akhir kajian ini. Kelainan dan keunikan terhadap tekstil yang dihasilkan akan menarik ramai pengguna untuk membeli tekstil ini.

1.8 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini dijalankan berfokuskan kepada pengaplikasian manik yang ditunen pada tekstil. Manik akan ditunen menggunakan teknik tenunan untuk menghasilkan tekstura dan dimensi. Manik yang digunakan perlu bersesuaian dan senang untuk ditunen, maka pengenalpastian jenis dan saiz manik sangat penting. Akhir kajian, tenunan bermanik dapat dihasilkan yang akan memberikan inovasi baru terhadap tekstil yang dihasilkan.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan lebih lanjut mengenai latar belakang manik, teknik songket Melayu dan tenunan sungkit oleh masyarakat Iban di Sarawak. Pengkaji turut mengkaji sejarah tenun sungkit Iban dan budaya masyarakat Iban serta kepentingan tekstil sungkit dalam budaya mereka. Dalam bab ini juga, pengkaji menerangkan kaitan antara manik dengan fabrik yang dihasilkan oleh masyarakat Iban untuk memahami kajian yang dijalankan.

2.1 Latar Belakang Manik

Manik telah lama wujud di muka bumi ini dan merupakan perhiasan pertama yang digunakan oleh manusia. Dubin (1987) menyatakan terdapat bukti yang telah membuktikan bahawa manik telah lama wujud, iaitu: "*...the first evidence of culture is manifested in simple stonecutting tools that were made in East Africa 1.5 million years ago, the earliest known beads are associated with Neanderthal man....*" Kenyataan beliau tersebut membuktikan bahawa manik sememangnya telah wujud sejak dulu lagi dan pengetahuan penggunaan manik telah lama diketahui oleh manusia sejak dulu lagi.

Pada zaman Mesir sejak dulu kala, manik dihasilkan bergantung kepada jenis bahan dan teknik yang digunakan. Manik pada awalnya dihasilkan daripada bahan